



HASiL

KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/09/30 - 70

GARIS PANDUAN UMUM E-INVOIS (VERSI 2.0) DAN GARIS PANDUAN SPESIFIK E-INVOIS (VERSI 1.0) KINI BOLEH DIAKSES DI PORTAL HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited mengatur strategi dalam memperkasa agenda pembangunan dan pelaksanaan e-invois dengan menambah baik dokumentasi panduan dan rujukan pembayar cukai meliputi **Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.0)** dan **Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 1.0)** yang telah dimuat naik dan kini boleh diakses di Portal Rasmi HASiL.

Garis Panduan Umum e-Invois (Versi 2.0) mengandungi maklumat tambahan umum yang telah dikemaskini berhubung pelaksanaan inisiatif e-Invois, manakala **Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 1.0)** pula menerangkan secara khusus bagi transaksi-transaksi tertentu seperti berikut:

- Transaksi melibatkan pembeli;
- Penyata atau bil yang disediakan secara berkala;
- Pengeluaran (*disbursement*) dan bayaran balik (*reimbursement*);
- Perkuisit dan manfaat pekerja;
- Sebahagian perbelanjaan oleh pekerja bagi pihak majikan;

- Pengeluaran e-Invois bil sendiri;



@LHDNMOfficial



LHDNM
1/3



LhdnTube



@LHDNMOfficial

- g) Transaksi yang melibatkan pembayaran dalam bentuk kewangan kepada ejen, pengedar atau pengagih;
- h) Transaksi rentas sempadan;
- i) Pengagihan keuntungan;
- j) Pendapatan luar negara;
- k) Kadar tukaran mata wang asing;
- l) Gambaran berkaitan *Application Programming Interface* (API); dan
- m) Keselamatan siber.

Pembayar cukai boleh mengakses dan memuat turun garis panduan umum dan spesifik ini menerusi pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois/>.

HASiL turut mengalu-alukan sebarang pandangan dan maklum balas berhubung pelaksanaan e-Invois yang boleh disalurkan menerusi e-mel rasmi myinvois@hasil.gov.my.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 September 2023

